

06 OCT 1998

Mahathir-Moral

UTAMAKAN NILAI MORAL TINGGI DALAM MENGEJAR ILMU, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pelajar perlu diterapkan dengan nilai moral yang tinggi dalam proses menuntut ilmu bagi mengekalkan keamanan dan pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata atas dasar mengutamakan nilai moral tinggi inilah negara mampu mempertahankan keamanan negara daripada segala elemen tidak sihat kerana rakyat masih berpegang kepada prinsip Rukun Negara dan demokrasi.

"Kita mesti memberi perhatian dan utamakan nilai moral tinggi supaya negara kita selamat," katanya semasa berucap merasmikan Sekolah Rendah Bantuan (SRB) Chung Hua No 6 di sini.

Dr Mahathir berkata, dalam hubungan ini sekolah-sekolah di seluruh negara hendaklah memberi perhatian khusus dalam menerapkan nilai moral melalui sistem pembelajaran.

"Ada sesetengah sekolah telah menerap pendidikan moral melalui pelajaran agama. Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memupuk nilai positif dalam diri anak-anak mereka," katanya.

Beliau berkata, Malaysia memerlukan pelajar bermoral tinggi kerana mereka akan berkhidmat untuk negara pada masa depan dan ciri-ciri akhlak mulia akan melindungi mereka daripada pengaruh tidak sihat.

Dr Mahathir menyeru rakyat agar memelihara sikap toleransi antara kaum dalam perkara-perkara membabitkan agama, bahasa dan bangsa bagi menjamin pembangunan berterusan.

Beliau berkata walaupun ada pihak cuba membangkitkan sentimen perkauman dan agama untuk kepentingan sendiri bagi mendapatkan sokongan politik, namun usaha ini ditolak bulat-bulat oleh semua rakyat.

"Saya bersyukur kepada Allah kerana tidak semua orang dipengaruhi dengan isu-isu agama, bangsa dan bahasa," katanya.

Beliau berkata, kekacauan di negara-negara seperti Sudan, Bosnia, Ireland dan Lebanon ialah antara contoh paling nyata jika sikap toleransi tidak diamalkan.

"Malaysia ini anda punya, negara anda, sebuah negara yang membuktikan kepada dunia mengenai satu tahap toleransi yang tidak wujud di tempat lain di dunia ini. Saya berkata tidak di tempat lain kerana sememangnya tidak ada negara lain yang mempunyai tahap toleransi seperti di sini," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, sebenarnya di seluruh Asia Tenggara tidak ada negara yang membenarkan sekolah didirikan jika tidak menggunakan bahasa kebangsaan atau selari dengan sistem persekolahan kebangsaan di negara masing-masing.

Bagaimanapun Malaysia mengamalkan sistem persekolahan yang membenarkan pengajaran bahasa ibunda sekalipun Bahasa Kebangsaan tetap digunakan sebagai bahasa rasmi.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai nilai toleransi tinggi yang tidak terlalu ekstremis dalam usaha membangun negara dan merapatkan hubungan berbilang kaum seperti tidak melarang orang bukan keturunan Cina belajar di sekolah Cina.

Nilai tersebut juga menonjol sewaktu perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Gawai Dayak, Tahun Baru Cina dan Deepavali apabila semua orang meraikan bersama-sama dengan tradisi kunjung-mengunjung diamalkan.

SRB Chung Hua No 6 berharga Rm6 juta mempunyai 30 kelas dan dibuka pada awal tahun ini dengan 393 pelajar setakat ini. -- BERNAMA

RDY OPP MAI

